

IAINYA MUDAH DENGAN PERKHIDMATAN ELESEN AELB eSPP

<https://elesen.aelb.gov.my>



Di atas talian anda boleh:

- ➔ Memohon lesen, kebenaran dan lain-lain
- ➔ Memantau dan menyemak status permohonan
- ➔ Mendapatkan dan mencetak keputusan permohonan
- ➔ Menyemak bil dan menjelaskan pembayaran melalui Perbankan Internet
- ➔ Menerima pemberitahuan melalui e-mel

SOALAN LAZIM MENGENAI eLESEN eSPP

- 01 Apa itu eSPP?**

Perkhidmatan yang membolehkan anda membuat permohonan, memperbaharui, meminda lesen dan membuat lain-lain perkhidmatan tanpa perlu menghantar borang ke Ibu Pejabat AELB.
- 02 Bagaimana cara untuk mendaftar sebagai pengguna eSPP?**

Mudah sahaja! Sila layari ke <https://elesen.aelb.gov.my>. Sila ikuti langkah pendaftaran yang dinyatakan.
- 03 Apakah jenis pembayaran yang boleh dibuat melalui Perbankan Internet eSPP?**

Fee Lesen, Fee Peperiksaan Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) dan Bayaran Kad Pekerja Sinaran. Pembayaran boleh dibuat melalui Maybank2U & CIMB Clicks.
- 04 Apa itu Sijil Digital?**

Sijil Digital berfungsi untuk membuktikan identiti anda atau hak anda untuk mengakses maklumat atau perkhidmatan di dalam talian.
- 05 Apakah kelebihan Sijil Digital?**

Transaksi yang dibuat akan dienkrip dan tidak akan dapat dipintas oleh pihak ketiga.
- 06 Bagaimana hendak mendapatkan Sijil Digital?**

Anda boleh emel permohonan ke customer@digicert.com.my atau hantar kepada DIGICERT Sdn Bhd, No 3-20, Jalan Jalil Perkasa 14, Aged Esplanad, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur.
- 07 Berapakah kos untuk Sijil Digital?**

6 bulan = RM42.40
1 tahun = RM53.00
2 tahun = RM106.00
Pembayaran perlu dibuat kepada DigiCert Sdn. Bhd melalui bayaran Tunai, Wang Pos atau Cek (atas nama DigiCert Sdn Bhd). Tempoh maksimum untuk Sijil Digital adalah 2 tahun. Bayaran tidak akan dikembalikan.
- 08 Bagaimanakah saya hendak memperbaharui Sijil Digital?**

Anda hanya perlu menghubungi DigiCert Sdn Bhd.
- 09 Berapakah Sijil Digital yang perlu saya beli untuk menggunakan eSPP?**

Untuk maklumat, satu Sijil Digital diperlukan untuk eSPP beserta satu Sijil Pendaftaran Syarikat atau Registration of Company (ROC).
- 10 Adakah Sijil Digital ini boleh diguna pakai lebih daripada satu komputer?**

Sijil Digital ini boleh digunakan lebih daripada satu komputer.
- 11 Sekiranya tiada ROC, bolehkah saya mendapat Sijil Digital?**

Sekiranya pengguna mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh AELB, pengguna boleh mendapatkan Sijil Digital. Bagi agensi kerajaan dan badan berkanun, sila hubungi AELB untuk mendapatkan nombor khas untuk mendapatkan Sijil Digital.
- 12 Bolehkah Sijil Digital yang sama digunakan di cawangan-cawangan syarikat saya?**

Boleh sekiranya cawangan tersebut mempunyai lesen yang sama dengan lesen Ibu Pejabat.
- 13 Sekiranya cawangan mempunyai lesen yang berlainan daripada Ibu Pejabat, bolehkah cawangan menggunakan Sijil Digital yang sama?**

Tidak boleh, cawangan perlu mendapatkan sijil digital yang baru.
- 14 Bolehkah saya menggunakan Google Chrome atau Mozilla Firefox untuk membuat elesen eSPP?**

Penggunaan elesen eSPP adalah digalakkan menggunakan versi Internet Explorer (IE) 8 dan ke atas.